

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 199/98

September 1997

HSC 223 Sejarah Asia Timur

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** [1] tetapi tidak lebih daripada **DUA** [2] soalan mestilah dijawab daripada bahagian A.

BAHAGIAN A

1. "China adalah suatu budaya yang mengutamakan sarjana dan keserjanaan. Jepun pula adalah suatu budaya yang mengutamakan tentera dan ketenteraan". Nilaiikan pernyataan ini dengan merujuk kepada sejarah China dan Jepun. sehingga pertengahan abad ke-18 M.
2. "Kaum perempuan dipandang rendah di China dan Jepun tradisional. Selain daripada sebagai pelengkap bagi lelaki dan melahirkan zuriat untuk suami mereka tidak penting dalam perkembangan sejarah kedua-dua negara". Dengan mengemukakan contoh-contoh ulaskan pernyataan di atas.
3. Dengan merujuk kepada tempoh sehingga pertengahan abad ke-19, bincangkan secara bandingan sifat dan kedudukan feudalisme di China dan Jepun.

BAHAGIAN B

4. Dengan secara kritis bincangkan persamaan, perbezaan dan perkaitan di antara aliran Kungfutzu, aliran Kanun dan aliran Moti dan terangkan secara ringkas bagaimanakah aliran Kanun menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan kerajaan Ch'in (221SM-206SM).
5. Dengan merujuk kepada sejarah China sehingga akhir abad ke-18M bincangkan peranan orang bukan Cina dalam proses pencinaan.
6. Sejauh manakah Jepun pada zaman akhir Tokugawa berbeza daripada Jepun pada zaman Kamakura?.
7. "Sejak lama dahulu kerajaan-kerajaan di China amat mengambil berat tentang penulisan sejarah. Hasilnya, China mempunyai suatu khazanah penulisan sejarah yang lengkap dan dapat dipertahankan kebenarannya". Bincangkan.
8. Bincangkan perubahan-perubahan penting yang berlaku di Jepun antara abad ketujuh hingga abad ke-10M dan nilaikan sejauh manakah perubahan-perubahan itu menjadi asas kepada pembentukan Jepun selepasnya.